

HUBUNGAN MOTIVASI PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB

Nur Afifah Fadzil¹
Nuraznan Jaafar²
Maryam Md Rofiee¹
Kolej Universiti Islam Perlis¹
Universiti Melaka²

Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@kuips.edu.my

Article History:

Received : 14 November 2022

Accepted : 23 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Motivasi merupakan faktor yang penting dalam pembelajaran bahasa. Ia merupakan dorongan yang mampu mempengaruhi tingkah laku dan sikap individu terhadap sesuatu minat. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan berusaha untuk menguasai dan membuat yang terbaik dalam sesuatu perkara begitu juga halnya dalam mempelajari bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima di enam buah sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Kertas kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab serta hubungannya dengan penguasaan bahasa Arab. Ia merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatkan kajian mendapati secara purata, skor responden bagi motivasi pelajar berada pada tahap tinggi iaitu $min=4.02$. Selain itu, dapatkan bagi ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab ($r = 0.559$, $p < 0.01$). Dapatkan ini menunjukkan motivasi memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab dan mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar. Motivasi boleh ditingkatkan sama ada dipupuk melalui diri sendiri atau dipengaruhi dengan persekitaran disekeliling.

Kata Kunci: Motivasi, Pembelajaran, Penguasaan, Bahasa Arab

THE RELATIONSHIP OF STUDENTS' MOTIVATION TOWARDS ARABIC LANGUAGE PROFICIENCY

ABSTRACT

Motivation is an important factor in language learning. It is a drive that can influence an individual's behavior and attitude towards an interest. Students who have high motivation will try to master and do the best as well as in learning Arabic. This study was conducted on 316 form five students in six Arabic secondary schools of the Melaka Department of Islamic Religion (SMA JAIM) who sat for the Malaysian Certificate of Education exam for the subject of Arabic. This research paper aims to identify the level of students' motivation

towards learning Arabic as well as its relationship with the mastery of the Arabic language. It is a quantitative study using questionnaire as its instrument. The findings of the study found that on average, the respondents' score for student motivation was at a high level min=4.02. In addition, the result of the correlation test shows that there is a significant positive relationship between student motivation and Arabic language proficiency ($r = 0.559$, $p < 0.01$). This finding shows that motivation plays an important role in learning Arabic and is able to have a positive effect on students' Arabic language proficiency. Motivation can be increased either through self-cultivation or influenced by the surrounding environment.

Keywords: Motivation, Learning, Proficiency, Arabic Language

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Arab berkembang luas seiring dengan peredaran zaman. Jika dahulu bahasa Arab hanya diajar di pondok-pondok, namun sekarang ia telah mendapat tempat di segenap lapisan masyarakat bermula dari pendidikan rendah dan berterusan pembelajaran sehingga ke peringkat pengajian tinggi malah ia semakin mendapat perhatian masyarakat awam. Belajar merupakan proses yang dilalui oleh seseorang untuk mendapatkan sesuatu yang baru dengan tujuan bagi mendapatkan manfaat untuk dirinya dan orang lain. Proses ini berjaya dicapai apabila terdapat perubahan pada diri sama ada dari sudut pengetahuan, penampilan atau tingkah laku seseorang. Bahasa memainkan peranan penting dalam membantu mencapai matlamat tertentu dalam setiap kehidupan di samping memberi sumbangan yang dominan dalam pengembangan ilmu dan kerjaya seseorang (Alhaadi & Norimah 2019).

Faktor yang menyebabkan pembelajaran bahasa Arab semakin mendapat tempat dalam masyarakat adalah kerana motivasi. Ia merupakan dorongan dalaman yang ada dalam diri seseorang. Motivasi menurut kamus dewan (edisi keempat) ialah keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorong untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif (Zaliza dan Zaitul 2013). Insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan. Ia juga turut dibantu dengan keadaan sekeliling yang turut menyumbang dalam peningkatan semangat diri seseorang seperti dorongan ibu bapa, kawan-kawan dan suasana yang mempengaruhi diri untuk kekal bermotivasi. Bagi mencapai kejayaan, ia bermula dengan satu fasa yang memerlukannya untuk memberikan tumpuan sepenuhnya iaitu belajar.

Motivasi


Motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan manusia untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu tujuan disebut. Motivasi merupakan kesediaan belajar yang membangkitkan dan mengekalkan minat individu dalam proses pembelajaran (Noriah 2001). Pembelajaran bahasa Arab tidak dapat dikecualikan daripada pengaruh motivasi. Apabila melihat kepada pembelajaran bahasa asing, ia memerlukan motivasi yang tinggi bagi mengekalkan momentum diri untuk terus kekal mempelajarinya. Motivasi merupakan idea dalaman atau emosi yang meningkat atau menurun untuk bertindak bagi mencapai sesuatu (Abdul Fatah 2001). Tanpa dorongan motivasi, para pelajar akan mengambil sikap berdiam diri dan tidak berkomunikasi. Sikap ini tidak membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan menjelaskan pencapaian mereka (Nik Mohd Rahimi 2005).

Sharani dan Zainal (2003) mendefinisikan motivasi sebagai satu proses membangkitkan, mengarah dan mengekalkan tingkah laku ke arah tujuan tertentu yang sebelumnya tidak ada gerakan ke arah tujuan tersebut. Ee Ah Meng (1997) menyatakan istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin “*movere*” yang bermakna menggerakkan. Oleh yang demikian, motivasi bermakna sesuatu usaha yang menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Motivasi dalam erti kata sebenarnya bukanlah berbentuk tingkah laku tetapi keadaan dalaman diri yang kompleks lagi subjektif, yang tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi seseorang (Christopher et. al 1999). Justeru, motivasi adalah dorongan dalaman iaitu motif berbentuk harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu. Dorongan motivasi dipercayai berusaha mengekalkan kekuatan dalaman pelajar yang berterusan sepanjang hayat dalam konteks pendidikan bahasa yang kompleks, khasnya untuk bahasa Arab (Mohd Zaki et al. 2018).

Motivasi dibahagikan kepada motivasi intrinsik iaitu dalaman dan motivasi ekstrinsik iaitu luaran dan juga motivasi holistik. Dorongan instrinstik muncul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diingininya. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan kendiri dan lain-lain. Apabila seseorang pelajar mempunyai keinginan intrinsik, dia tidak memerlukan insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti itu sendiri telah dapat memenuhi kepuasan dan keperluan dalaman pelajar itu.

Motivasi ekstrinsik adalah berlawanan dengan motivasi intrinsik. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri external individu (Mohammad Shatar Sabran 2005). Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan kendiri.

Selain daripada motivasi intrinsik dan ekstrinsik, motivasi holistik juga memberi pengaruh yang kuat dalam pembelajaran bahasa Arab. Motivasi holistik dapat memberikan hubungan dan pengaruh yang kuat terutamanya bagi pelajar yang beragama Islam. Hal ini kerana, bahasa Arab mempunyai perkaitan yang rapat dengan agama Islam. Agama Islam itu sendiri adalah agama yang syumul dan sempurna serta bersifat holistik pada semua perkara sama ada yang berkaitan dunia psikologi pendidikan atau sebaliknya. Dorongan utama bagi motivasi jenis ini ialah dorongan jiwa dan fikiran ke arah menghubungkan tingkah laku seseorang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab untuk memperoleh keredhaan yang Maha Esa di dunia dan di akhirat. Dalam pendekatan ini, konsep motivasi holistik dikaitkan secara jelas dengan prinsip usaha dan tawakal kepada Allah s.w.t. Oleh itu, aspek-aspek yang berkaitan dengan dorongan dan rangsangan daripada ajaran Islam turut memainkan peranan dalam diri pelajar serta memberi kesan kepada penguasaan bahasa Arab. Para pelajar akan menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menarik iaitu dengan cara menggerakkan jiwa dan fikiran untuk menghubungkan pembelajaran dengan janji-janji pahala di sisi Allah di samping keinginan mengetahui isi kandungan pembelajaran Bahasa Arab yang berkaitan dengan al-Quran al-Karim dan Hadith (Mohd Zaki 2009).



Rajah 1: Lingkaran Konsep Motivasi
(Sumber Rohaty Mohd. Majzub 1992)

Rajah 1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemauan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Oleh demikian, peneguhan dalam bentuk intrinsik atau ganjaran yang berbentuk ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup (Mohd Zaki Ahmad & Muhammad Firdaus Abdul Manaf 2017).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pendedahan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab perlu dititik beratkan agar dapat membantu pelajar-pelajar dengan sokongan luaran atau dalaman agar proses pembelajaran berjalan dengan baik. Penglibatan pelajar memerlukan kesediaan pelajar sendiri untuk mempelajari bahasa Arab agar mencapai objektif pembelajaran yang sebenar. Menurut Mok Soon Sang (2002), kesediaan merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperoleh pengalaman pembelajaran baharu. Motivasi dapat memberikan kesan terhadap pembelajaran bahasa Arab terutamanya apabila bidang tersebut mempunyai peluang yang tinggi. Pelajar-pelajar akan memberi tumpuan yang lebih agar apa yang diimpikan mereka dapat dicapai.

Motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab perlu diberikan penekanan. Kajian-kajian lepas berkaitan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah bertujuan mengenal pasti minat, kehendak dan kesungguhan pelajar dalam pembelajaran mereka. Lightbown dan Spada (1999) menyatakan banyak keputusan kajian terdahulu membuktikan elemen motivasi memberikan sumbangan terhadap pencapaian bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Hackett (1995) dalam Adnan (2011) menyatakan bahawa kebolehpercayaan pada diri sendiri atau keyakinan diri mempunyai perkaitan dengan pencapaian dalam sesuatu bahasa. Motivasi diri boleh dibina melalui kebolehpercayaan pada diri sendiri (Nor Azura 2006).

Pelajar yang mempunyai pendekatan Motivasi Pencapaian yang tinggi akan memiliki minat yang mendalam dan seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik bahasa Arab mereka (Mohd Zaki et al. 2018). Mohammad Haafiz (2018) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran agama adalah satu kemestian dan wajib dipelajari kerana termasuk dalam peperiksaan umum seperti PT3, SPM dan STPM. Untuk mempelajarinya dengan berkesan, pelajar perlu mempunyai kepercayaan motivasi yang tinggi kerana bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang agak susah dan mencabar tambahan pula bagi pelajar yang bukan penutur jati. Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa tahap motivasi pelajar yang rendah terhadap mata pelajaran bahasa Arab adalah kerana merasa sukar untuk menguasainya. Justeru, kajian beliau menjelaskan kemungkinan aspek pengajaran guru yang menjadi punca perubahan kepercayaan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab.

Hasil kajian mendapati hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini akan dapat meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif.

Seterusnya, kajian bertajuk “Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPTA” dijalankan oleh Aisyah Sjahrony et al. (2017). Kajian ini menghuraikan tentang kepentingan motivasi dalam mempelajari ilmu bahasa Arab. Ia bertujuan melihat sejauh manakah aspek motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar terhadap subjek bahasa Arab serta hubungannya dengan tahap pencapaian pelajar. Ia turut memberikan penekanan kepada kepentingan motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Arab di Malaysia. Beliau berpandangan, tanpa motivasi yang tinggi, proses pembelajaran para pelajar IPTA akan berhadapan dengan pelbagai masalah pembelajaran seperti tiada semangat yang tinggi untuk berjaya dimasa akan datang, mudah berputus asa dengan cabaran pembelajaran serta belajar hanya sekadar untuk meraih ijazah tanpa memikirkan kecemerlangan pada masa hadapan.

Motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting dalam mengekalkan prestasi pencapaian akademik pelajar bagi merealisasikan kejayaan. Hal ini kerana, motivasi dilihat sebagai salah satu faktor utama yang memainkan peranan dalam menentukan pencapaian pelajar di dalam kelas. Motivasi juga merupakan kayu ukur utama yang mempengaruhi proses pembelajaran dan menjadi pendorong jiwa serta hasrat untuk melakukan kegiatan dengan baik dan lancar. Justeru, kedua-dua aspek ekstrinsik dan instrinsik ini dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Para pelajar yang kurang menguasai kemahiran asas dalam bahasa yang mereka pelajari didapati mempunyai masalah dari segi sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab.

Motivasi merupakan salah satu elemen penting dalam menguasai sesuatu pembelajaran terutamanya pembelajaran bahasa kedua (Hanis Najwa et al. 2017). Dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik saling berkait rapat untuk menggerakkan sesuatu individu menguasai sesuatu pembelajaran. Kajian yang dijalankan beliau bertujuan mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahliz di Selangor.

Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik berada pada tahap tinggi iaitu dengan min masing-masing ialah 3.46 dan 3.16. Walaupun kedua-dua min bagi setiap motivasi tinggi, namun motivasi instrinsik lebih tinggi berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, perlu adanya penambahbaikan beberapa faktor motivasi luaran yang

perlu diberikan kepada pelajar. Penguasaan bahasa Arab boleh dikuasai dengan adanya minat dalam diri dan dibantu oleh sokongan luar. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti guru, ibu bapa dan rakan perlu meneruskan galakan dan sokongan kepada pelajar untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Arab.

Abdul Hakim (2015) menjalankan kajian “Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab” di Sekolah Menengah Agama Naim Lil Banat, Kota Bharu, Kelantan. Kajian beliau memfokuskan kepada konsep motivasi, faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua, tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah, tahap minat pelajar serta faktor yang mempengaruhi motivasi dan pengaruh motivasi terhadap pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab. Dapatkan kajian mendapati sebahagian besar responden mempunyai tahap pencapaian dan minat yang baik.

Terdapat lima faktor yang mempengaruhi motivasi responden iaitu pandangan mereka bahawa bahasa Arab adalah penting, persekitaran bahasa Arab, mata pelajaran yang mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya di dalam bilik darjah. Wujudnya hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana di antara motivasi dan pencapaian responden dalam subjek bahasa Arab.

Selain itu, terdapat kajian yang dijalankan berkaitan pengaruh permainan terhadap motivasi pelajar. Fairosnita dan Kamarul Shukri (2015) menjalankan kajian “Pengaruh Permainan Bahasa Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Perbendaharaan Bahasa Arab”. Perbendaharaan kata merupakan asas dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa asing atau bahasa kedua. Penguasaan perbendaharaan kata yang baik dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran bahasa yang lain. Perbendaharaan kata memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan para pelajar untuk menguasai bahasa kedua atau bahasa asing termasuk bahasa Arab. Antara punca kelemahan dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab dalam kalangan para pelajar adalah berpunca daripada pengajaran yang kurang menarik serta gagal merangsang motivasi para pelajar dalam proses pembelajaran. Justeru, menjadi cabaran utama para guru dalam memilih kaedah pengajaran yang mampu merangsang motivasi murid.

Antara kaedah pengajaran yang berkesan untuk diaplikasikan dalam proses P&P bagi merangsang motivasi para pelajar ialah kaedah permainan bahasa. Justeru, kajian beliau bertujuan mengkaji pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi para pelajar sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab. Penumpuan diberikan kepada tiga aspek iaitu tahap motivasi secara keseluruhan, tahap motivasi berdasarkan konstruk dan berdasarkan item soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan tahap motivasi secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Ia juga menunjukkan tahap motivasi berdasarkan konstruk dan berdasarkan item berada pada tahap tinggi. Hal ini membuktikan motivasi yang tinggi dan kaedah pembelajaran yang sesuai mampu melonjakkan prestasi semasa pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, satu kajian bertajuk “Hubungan Antara Motivasi Belajar Dan Hasil Belajar Bahasa Arab Mahasiswa Fakulti Tarbiah Dan Keguruan UIN Alauddin Makassar” dijalankan oleh Syahruddin (2015). Kajian ini boleh dilihat sebagai satu bentuk perbandingan motivasi antara pelajar di Malaysia dan Indonesia. Ia membincangkan mengenai hubungan antara motivasi belajar dan hasil belajar bahasa Arab mahasiswa jurusan Pendidikan Bahasa Arab pada Fakulti Tarbiah Dan Keguruan UIN Alauddin Makassar. Ia bertujuan mendapatkan gambaran tentang tahap motivasi pembelajaran bahasa Arab dan hasil pembelajaran bahasa Arab serta hubungan antara motivasi belajar dan hasil pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa hasil pembelajaran bahasa Arab responden secara umum berada di tahap sederhana. Motivasi belajar berada di tahap tinggi, manakala terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi belajar dan hasil pembelajaran bahasa Arab.

Adnan (2011) menjalankan kajian berkaitan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pelancongan Jabatan Hospitaliti di Politeknik Merlimau, Negeri Melaka. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min bagi keseluruhan iaitu 3.53. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab antara pelajar yang sedang mengikuti kursus dan telah tamat dan antara pelajar yang pernah belajar bahasa Arab mahupun sebaliknya.

Mohamed Amin Embi (2010) menjalankan kajian bertajuk “Hubungan Tahap Motivasi Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu”. Penggunaan “Strategi Pembelajaran Bahasa” (SPB) oleh pelajar bahasa Arab adalah berdasarkan tahap motivasi pembelajaran bahasa. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang diubah suai daripada SILL dan bahagian soal selidik motivasi daripada *Affective Survey*. Hasil kajian membuktikan bahawa tahap motivasi pelajar adalah sederhana dan pelajar bermotivasi tinggi lebih kerap menggunakan SPB berbanding pelajar bermotivasi rendah.

Sebuah kajian korelasi yang bertajuk “Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab” dijalankan oleh Kamarul Shukri (2009). Ia memperlihatkan satu kajian yang direka bentuk untuk mengkaji korelasi di antara Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dengan motivasi pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian mendapati terdapat korelasi positif yang tinggi antara SPB secara keseluruhan dengan motivasi pembelajaran bahasa secara keseluruhan. Korelasi bermagnitud positif yang signifikan di antara penggunaan kategori SPB dengan kategori motivasi pembelajaran bahasa turut dapat dikesan. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih kerap dan banyak menggunakan SPB berbanding pelajar yang bermotivasi rendah.

Nik Mohd Rahimi (2005) membincangkan tentang motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi pembelajaran kemahiran mendengar berada pada tahap tinggi dan tahap pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Selain itu terhadap hubungan yang signifikan antara motivasi dan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab. Siti Meriam dan Zanaton (2002) menyatakan pencapaian sesuatu kejayaan berpunca daripada sikap pelajar sendiri serta motivasi daripada ibu bapa dan guru.

Hasan Mohamed Doka (2000) menjalankan kajian terhadap pelajar Melayu yang belajar bahasa Arab di Universiti Malaya. Kajian beliau memfokuskan kepada sikap pelajar dan keinginan pelajar untuk belajar bahasa Arab serta kepentingan motivasi untuk belajar bahasa Arab dan kebimbangan pelajar apabila mempelajari bahasa Arab. Secara umumnya, pelajar-pelajar Melayu mempunyai sikap positif yang tinggi terhadap bahasa asing. Namun begitu, sikap mereka dalam meningkatkan kemahiran dalam bahasa Arab amat lemah. Keinginan mereka dalam mempertingkatkan kemahiran dalam bahasa Arab berada pada tahap sederhana dan kebimbangan mereka terhadap bahasa Arab adalah tinggi. Selain itu, pelajar wanita lebih tinggi keinginan untuk belajar bahasa Arab berbanding pelajar lelaki.

Pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Arab mendapat pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi memberi impak pada diri seseorang untuk belajar dan menguasai bahasa Arab (Misran 1999). Motivasi dianggap sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Gardner 1985; Dornyei 1990; Nunan 1999). Ia menjadi faktor pemberi tenaga dan momentum kepada pelajar sehingga pembelajaran menjadi lebih aktif dan berkesan. Justeru, motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan untuk mencapai keputusan akademik yang cemerlang, termasuk pencapaian dalam

matapelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, motivasi belajar seseorang sangat menentukan dan besar pengaruhnya terhadap kemampuan mereka dalam berbahasa (Mainizar N 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah kaedah pensampelan yang digunakan, Kesemua responden mempunyai latar belakang yang sama iaitu pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia melibatkan 316 orang pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah arab (SMA) JAIM di sekitar Melaka. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMA JAIM Darul Falah, SMA JAIM al-Ehya al-Karim, SMA JAIM al-Asyraf, SMA JAIM al-Ahmadi, SMA JAIM as-Sayyidah Khadijah dan SMA JAIM as-Syakirin. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Dapatkan yang diperoleh daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis korelasi.

ANALISIS DAN DAPATAN

Dapatkan data bagi tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dibentangkan dalam jadual 1. Hasil kajian menunjukkan 244 orang responden (77.2%) merasakan mereka mempunyai motivasi yang tinggi. Manakala seramai 68 orang responden (21.5%) berpendapat tahap motivasi mereka adalah sederhana. Sementara hanya empat orang responden merasakan tahap motivasi berada ditahap yang rendah. Motivasi diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap tinggi.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Tahap Motivasi

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Motivasi			4.02	0.583
Rendah (1.00 – 2.33)	4	1.3		
Sederhana (2.34 – 3.67)	68	21.5		
Tinggi (3.68 – 5.00)	244	77.2		
Jumlah	316	100.0		

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Berikut merupakan taburan data soal selidik bagi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Data dibentangkan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Rujuk jadual 2.

Jadual 2: Taburan Data Soal Selidik Motivasi

Bil	Pernyataan	5	4	3	2	1	Min	SP
		(SS) (%)	(S) (%)	(TP) (%)	(TS) (%)	(STS) (%)		
26.	Cita-cita dan impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang bahasa Arab.	74 (23.4)	94 (29.7)	120 (38)	16 (5.1)	12 (3.8)	3.64	1.016
27.	Mempelajari bahasa Arab dapat memberikan kefahaman untuk memahami bacaan-bacaan dalam solat dan ibadah.	177 (56)	117 (37)	19 (6)	1 (3)	2 (0.6)	4.47	.683
28.	Mempelajari bahasa Arab merupakan satu kelebihan buat diri saya.	150 (47.5)	117 (37)	45 (14.2)	1 (.3)	3 (.9)	4.30	.793
29.	Minat mempelajari bahasa Arab yang datang dari diri sendiri.	95 (30.1)	133 (42.1)	73 (23.1)	10 (3.2)	5 (1.6)	3.96	.895
30.	Ibu bapa dan keluarga sentiasa memberikan dorongan untuk mempelajari bahasa Arab	109 (34.5)	150 (47.5)	45 (14.2)	9 (2.8)	3 (.9)	4.12	.822
31.	Rakan-rakan sangat membantu dalam pembelajaran bahasa Arab.	96 (30.4)	162 (51.3)	46 (14.6)	7 (2.2)	5 (1.6)	4.07	.823
32.	Rakan-rakan sentiasa mempraktikkan penguasaan bahasa Arab melalui pertuturan.	31 (9.8)	74 (23.4)	159 (50.3)	34 (10.8)	18 (5.7)	3.21	.960
33.	Guru sentiasa memberikan semangat untuk terus mempelajari bahasa Arab	141 (44.6)	138 (43.7)	30 (9.5)	4 (1.3)	3 (.9)	4.30	.769
34.	Guru sentiasa menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menarik dan tidak bosan.	117 (37)	131 (41.5)	58 (18.4)	4 (1.3)	6 (1.9)	4.10	.876
35.	Guru sentiasa menyediakan bahan pengajaran bahasa Arab yang menarik.	113 (35.8)	144 (45.6)	51 (16.1)	4 (1.3)	4 (1.3)	4.13	.817
36.	Pihak sekolah sentiasa mengadakan seminar dan bengkel bahasa Arab.	54 (17.1)	137 (43.4)	97 (30.7)	22 (7.0)	6 (1.9)	3.67	.905
37.	Persekutuan pembelajaran	67	165	67	10	7	3.87	.858

	bahasa Arab yang selesa.	(21.2)	(52.2)	(21.2)	(3.2)	(2.2)		
38.	Bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami.	57 (18)	132 (41.8)	107 (33.9)	13 (4.1)	7 (2.2)	3.69	.889
39.	Bahasa Arab ialah subjek yang wajib dikuasai oleh pelajar sekolah agama.	115 (36.4)	131 (41.5)	57 (18)	10 (3.2)	3 (.9)	4.09	.866
40.	Pengajaran bahasa Arab sangat penting di peringkat global dan antarabangsa.	139 (44)	114 (36.1)	54 (17.1)	5 (1.6)	4 (1.3)	4.20	.866
41.	Pengajaran bahasa Arab sangat penting untuk memahami ajaran Islam.	176 (55.7)	105 (33.2)	30 (9.5)	3 (.9)	2 (.6)	4.42	.754

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Jadual menunjukkan taburan data bagi motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Item yang mendapat nilai min paling tinggi ialah item 27 iaitu 4.47. Manakala, nilai min paling rendah ialah pada item 32 iaitu 3.21. Impian dan cita-cita pelajar juga mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab. Impian pelajar ialah cita-cita pelajar sekiranya mempelajari bahasa Arab pada masa akan datang (Adnan 2011). Dapatkan pada item 26 menunjukkan bahawa seramai 168 orang responden (53.1%) iaitu lebih daripada separuh responden mempunyai cita-cita dan impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang bahasa Arab. Selain itu, pengaruh rakan juga menyumbang dalam motivasi pembelajaran bahasa Arab. Ini dapat dilihat pada item 31 dan 32.

Pada item 31, 258 orang responden (81.7%) bersetuju bahawa rakan-rakan sangat membantu dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, dapatan item 32 menunjukkan seramai 105 orang responden (33.2%) bersetuju bahawa rakan-rakan sentiasa mempraktikkan penguasaan bahasa Arab melalui pertuturan. Pada pandangan penyelidik, para pelajar kurang mempraktikkan pertuturan bahasa Arab kerana mereka berasa kurang yakin dengan kemampuan mereka serta terpengaruh untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda.

Selain itu, guru turut berpengaruh dalam meningkatkan atau mengurangkan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Dapatkan ini dapat dilihat pada item 33, 34 dan 35. Seramai 279 orang responden (88.3%) bersetuju bahawa guru sentiasa memberikan semangat kepada mereka untuk terus mempelajari bahasa Arab. Pada item 34, iaitu guru sentiasa menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menarik dan tidak bosan berada pada skor min 4.10 dengan seramai 248 orang responden (78.5%) bersetuju dengan kenyataan itu. Dapatkan item 35 juga memperlihatkan bahawa guru sentiasa menyediakan bahan pengajaran bahasa Arab yang menarik. Hal ini dapat dibuktikan sebanyak 257 orang responden (81.4%) yang bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Pada item 36, seramai 191 orang responden (60.5%) bersetuju bahawa pihak sekolah mengadakan seminar dan bengkel bahasa Arab. Penyelidik berpandangan, bengkel dan seminar ini diadakan bertujuan meningkatkan lagi motivasi para pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Bengkel dan seminar bahasa Arab dianjurkan tidak lain dan tidak bukan hanya bertujuan meningkatkan pengukuhan pelajar dalam menguasai pembelajaran bahasa Arab. Galakan ibu bapa dan keluarga juga merupakan sokongan yang penting dan mampu mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan dapatan, yang diperoleh, nilai min pada item 30 adalah 4.12. Seramai 259 orang responden (82%)

bersetuju bahawa ibu bapa dan keluarga sentiasa memberikan dorongan kepada mereka untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Item 27, 28 dan 29 merupakan item yang lebih cenderung kepada motivasi diri sendiri. Ketiga-tiga item ini memperoleh nilai skor min yang tinggi. Item 27 iaitu mempelajari bahasa Arab dapat memberikan kefahaman untuk memahami bacaan-bacaan dalam solat dan ibadah dipersetujui oleh 294 orang responden (93%) dengan nilai min 4.47. Ia merupakan nilai min yang paling tinggi. Hal ini tidak dinafikan perkaitan bahasa Arab dengan ibadah sehari-hari yang menggunakan bahasa Arab terutamanya dalam solat. Ia juga dikategorikan sebagai motivasi holistik. Selain itu, seramai 267 orang responden (84.5%) bersetuju bahawa mempelajari bahasa Arab merupakan satu kelebihan. Dapatkan ini dapat dilihat pada item 28. Seterusnya, pada item 29, seramai 228 orang responden (72.2%) bersetuju bahawa minat mereka dalam mempelajari bahasa Arab datang dari diri sendiri.

Persekutuan pembelajaran bahasa Arab dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab. Oleh itu, persekitaran juga merupakan faktor yang penting dalam memberi kesan terhadap motivasi pembelajaran bahasa Arab. Dapatkan pada item 37 menunjukkan bahawa 232 orang responden (73.4%) dengan skor min 3.87 bersetuju bahawa persekitaran pembelajaran bahasa Arab adalah selesa. Persekutuan pembelajaran bahasa Arab yang baik, selesa dan kondusif dapat menjadi perangsang dan motivasi kepada pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa yang mempunyai keistimewaan tersendiri selain daripada ia merupakan bahasa ibadah bagi agama Islam. Seramai 189 orang responden (59.8%) bersetuju bahawa bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami. Pada pandangan penyelidik, respon ini dipengaruhi oleh minat seseorang. Sekiranya mereka mempunyai minat dalam mempelajari bahasa Arab, maka ia akan lebih mudah untuk dipelajari dan difahami dan begitu juga sebaliknya. Dapatkan ini dapat dilihat pada item 38. Bagi pelajar yang berada di sekolah aliran agama dan arab, semestinya bahasa Arab merupakan bahasa yang wajib dipelajari oleh mereka. Tambahan pula, subjek *diniyyah* seperti syariah dan usuluddin merupakan subjek yang diajar dalam bahasa Arab.

Bahasa Arab merupakan subjek yang wajib dikuasai oleh pelajar sekolah agama. Dapatkan item 39, seramai 246 orang responden (77.9%) bersetuju bahawa bahasa Arab ialah subjek yang wajib dikuasai oleh pelajar sekolah agama. Bahasa Arab sangat penting di peringkat global dan antarabangsa juga merupakan satu faktor yang dikaitkan dengan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan diiktiraf di seluruh dunia. Seramai 253 orang responden (80.1%) bersetuju dengan kenyataan ini. Ia dapat dilihat pada item 40. Selain itu, pengajaran bahasa Arab sangat penting untuk memahami ajaran Islam. Seramai 281 orang responden (88.9%) bersetuju dengan kenyataan ini. Menerusi dapatkan yang diperoleh, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab mempunyai perkaitan yang rapat dengan agama Islam.

PENGUASAAN BAHASA ARAB PELAJAR

Tahap penguasaan bahasa Arab ditunjukkan dalam jadual 3. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, menunjukkan majoriti responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 213 orang responden (67.4%) dan diikuti dengan tahap baik iaitu 87 orang responden (27.5%) Sementara hanya 16 orang responden (5.1%) merasakan tahap penguasaan yang rendah. Dapatkan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid adalah berada pada tahap sederhana ($\text{min}=3.47$, $\text{SP}=0.627$)

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Bahasa Arab

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Penguasaan			3.47	0.627
Rendah (1.00 – 2.33)	16	5.1		
Sederhana (2.34 – 3.67)	213	67.4		
Tinggi (3.68 – 5.00)	87	27.5		
Jumlah	316	100.0		

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Jadual 4 merupakan taburan data soal selidik bagi penguasaan bahasa Arab pelajar. Data disediakan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Jadual 4: Taburan Data Soal Selidik Penguasaan Bahasa Arab

Bil	Pernyataan	5	4	3	2	1	Mi	SP
		Sangat setuju (SS) (%)	Setuju (S) (%)	Tidak Pasti (TP) (%)	Tidak Setuju (TS) (%)	Sangat Tidak Setuju (STS) (%)	n	
42.	Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru.	56 (17.7)	147 (46.5)	96 (30.4)	8 (2.5)	9 (2.8)	3.74	.879
43.	Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Arab tanpa bantuan guru.	45 (14.2)	131 (41.5)	117 (37.0)	16 (5.1)	7 (2.2)	3.60	.872
44.	Saya mampu menterjemah ayat pendek tanpa menggunakan kamus.	29 (9.2)	126 (39.9)	126 (39.9)	22 (7.0)	13 (4.1)	3.43	.904
45.	Saya mampu membaca teks Arab tanpa baris dengan betul.	24 (7.6)	112 (35.4)	150 (47.5)	23 (7.3)	7 (2.2)	3.39	.819
46.	Saya mampu menulis ayat bahasa Arab yang didengari dengan lancar.	32 (10.1)	124 (39.2)	131 (41.5)	19 (6.0)	10 (3.2)	3.47	.874
47.	Saya mampu memahami bacaan-bacaan dalam solat.	39 (12.3)	163 (51.6)	104 (32.9)	7 (2.2)	3 (0.9)	3.72	.742
48.	Saya mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar.	10 (3.2)	59 (18.7)	189 (59.8)	41 (13.0)	17 (5.4)	3.01	.813
49.	Saya mampu menggunakan kemahiran bahasa Arab dalam kehidupan seharian.	20 (6.3)	84 (26.6)	173 (54.7)	27 (8.5)	12 (3.8)	3.23	.840
50.	Saya mampu menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab melalui pembelajaran bahasa Arab.	51 (16.1)	120 (38.0)	120 (38.0)	12 (3.8)	13 (4.1)	3.58	.944

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Jadual 4 menunjukkan taburan data soal selidik bagi penguasaan bahasa Arab. Item 42 “*Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru*” memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu 3.74 berbanding item yang lain. Manakala, item yang paling rendah nilai min iaitu 3.01 ialah item 48 “*Saya mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar*”. Kemampuan seseorang dalam bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar haruslah sentiasa dipupuk dan memerlukan latihan yang berterusan. Pertuturan

dalam bahasa Arab tidak seharusnya terbatas ketika kelas bahasa Arab semata-mata, bahkan ia haruslah sentiasa diperaktikkan.

Dapatkan aspek penguasaan penterjemahan, ia dapat dilihat pada item 42, 43 dan 44. Pada item 42, seramai 203 orang responden (64.2%) bersetuju bahawa mereka mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru. Manakala, item 43 menunjukkan seramai 176 orang responden (55.7%) bersetuju mereka mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Arab tanpa bantuan guru. Selain itu, hanya 155 orang responden (49.1%) yang bersetuju mereka mampu menterjemah ayat pendek tanpa menggunakan kamus.

Dari aspek penguasaan kemahiran membaca pada item 45, hanya 136 orang responden (43%) mampu membaca teks Arab tanpa baris dengan betul. Selain itu, penguasaan kemahiran menulis pada item 46 memperlihatkan 156 orang responden (49.3%) mampu menulis ayat bahasa Arab yang didengari dengan lancar.

Dapatkan pada item 47 menunjukkan seramai 202 orang responden (63.9%) mampu memahami bacaan-bacaan dalam solat. Dari aspek penguasaan pertuturan, hanya 69 orang responden (21.9%) mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar. Dapatkan ini dapat dilihat pada item 48. Item ini merupakan nilai min yang paling rendah iaitu 3.01. Selain itu pada item 49, 104 orang responden (32.9%) mampu menggunakan kemahiran bahasa Arab dalam kehidupan harian. Item yang terakhir merupakan penambahan perbendaharaan kata bahasa Arab. Seramai 171 orang responden (54.1%) bersetuju mereka mampu menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab melalui pembelajaran bahasa Arab.

Setiap individu mempunyai penguasaan dan kemahiran yang berbeza. Walaubagaimanapun, kemahiran bahasa dapat dipertingkatkan dengan bantuan faktor tenaga pengajar yang bertauliah, suasana pembelajaran yang kondusif serta bahan pengajaran seperti buku teks, sukanan pelajaran dan kurikulum yang tersusun (Rosni 2009 & Abdul Hadi et al. 2003)

ANALISIS KORELASI

Korelasi adalah satu kuantiti atau magnitud yang mewakili darjah kekuatan hubungan atau perkaitan antara dua variable (Othman 2013). Analisis korelasi dilakukan antara pembolehubah dengan penguasaan bahasa Arab.

Jadual 5: Korelasi Pembolehubah Motivasi dengan Penguasaan Bahasa Arab

Pemboleh ubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Motivasi	0.559**	0.000

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara motivasi dengan penguasaan bahasa Arab. Berdasarkan jadual kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), pembolehubah bebas berada dalam kekuatan hubungan yang kuat.

Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab yang disokong dengan korelasi koefisyen ($r = 0.559$, $p < 0.01$). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif menunjukkan bahawa lebih tinggi darjah motivasi, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab.

KESIMPULAN

Mempelajari bahasa selain bahasa ibunda menjadi syarat dalam dunia Pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Malahan bagi orang yang beragama Islam, mempelajari bahasa Arab menjadi keutamaan kerana ia digunakan dan dibaca dalam ibadah sehari-hari seperti solat. Selain itu, bahasa arab ialah bahasa al-Quran dan hadith yang merupakan sumber utama dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian, mempelajari dan menguasai bahasa arab menjadi keperluan bagi memahami hukum hakam yang terdapat pada sumber tersebut.

Motivasi mampu mempengaruhi tingkah laku dan sikap khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya motivasi, ia memudahkan dan mempercepatkan seseorang untuk mempelajari bahasa khususnya bahasa Arab. Pelajar yang bermotivasi tinggi mampu mewujudkan hasil yang terbaik sama ada untuk dirinya mahupun orang lain di sekelilingnya. Seseorang yang bermotivasi boleh mempengaruhi orang yang berada di sekeliling untuk turut sama mencapai tujuan yang diimpikan. Mereka yang bermotivasi akan mempunyai keinginan yang mendalam untuk melakukan kegiatan belajar bahasa Arab dengan bersungguh-sungguh bahkan mengaplikasikannya dalam komunikasi. Motivasi yang tinggi dalam mempelajari bahasa Arab memberikan kesan yang mampu dalam penguasaan bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Fatah Hassan. (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran. Edisi Pertama*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (10): 104-121.
- Adnan Derahman. (2011). Motivasi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Diploma Pelancongan Jabatan Hospitaliti di Politeknik Merlimau Negeri Melaka. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2): 102-112.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid di SKJC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 209: 23-30.
- Dahab, Mohamed Ibrahim. (1997). Evaluation of the Arabic language integrated curriculum for secondary schools (KBSM). Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dornyei, Z. (2005). *The Psychology of the Language Learner: Individual Differents In Second Language Acquisition*. Mahwah. Nj:Lawrence Erlbaum.
- Dornyei, Z. (1990). Conceptualizing motivation in foreign-language learning. *Language Learning* 40(1): 45-78.
- Ee Ah Meng. (1997). *Psikologi Pendidikan II*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia. (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fairosnita Ibrahim & Kamarul Shukri Mat Teh. (2015). Pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2): 41-50.
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C dan Tremblay, P.F. (1994). On motivation, research agendas, and theoretical perspectives. *Modern Language Journal*, (79): 359-368
- Gardner R.C. & Lambert W.E. (1972). *Attitudes and Motivation In Second-Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner R.C. (1983). Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- Gardner R.C & Lalonde R.N, Moorcroft, R. (1985). The role of attitudes and motivation in second language learning: correlational and experimental considerations. *Language learning*, 35: (207-227).
- Gardner, H. (1983). *Frames Of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Hanis Najwa, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab, Farah-Nu Rashida Rosnan & NorafidahGordani. (2017). Tahap motivasi instrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahliz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2010. Hubungan antara tahap motivasi dengan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, (52): 57-67.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mainizar N. (2011). Korelasi Motivasi Belajar Bahasa Arab Dengan Minat Berkommunikasi Dalam Bahasa Arab Pada Mahasiswa Jurusan Pendidikan Bahasa Arab Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau. *Jurnal Sosial Budaya*, Vol. 8 No. 01 Januari-Juni 2011.
- Misnan Jemali. (1999). Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Arab Komunikasi sekolah menengah rendah di negeri Perak. Tesis Sarjana, UniversitiKebangsan Malaysia.
- Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 3(3): 136-147.
- Mohd Zaki Bin Ahmad, Muhammad Firdaus Bin Haji Abdul Manaf & Md Noor Bin Hussin. (2018). Hubungan Pendekatan Motivasi Pencapaian Dengan Pembelajaran Bahasa Arab. 4 th International Conference on Islamiyyat Studies 2018 18th - 19th September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). Motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Tesis Phd. Universiti Malaya
- Mohd Zaki Ahmad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2017). Penggunaan Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik Untuk Belajar Bahasa Arab. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017) 3rd International Conference On Islamiyyat Studies (IRSYAD2017)
- Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon. (2003). *Tip Pandai Belajar: Panduan Teknik-Teknik Berkesan Semasa Belajar Dan Mengajar*. Pahang:PTS Publications.

- Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di sekolah-ekolah agama kerajaan negeri. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azura Osman. (2006). Pengaruh demografi, kekerapan penggunaan dan keyakinan diri terhadap kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Inggeris. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Noriah Mohd Ishak. (2001). *Bagaimana Mengelakkan Motivasi Diri* Dlm. Abdul Razaq Ahmad dan Norzaini Azman. Bimbingan Menara Gading . Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunan, D. (1999). *Second Language Teaching and Learning*. Massachusetts: Heinle & Heinle Publishers
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan bin Jaafar, Roslida binti Saad, Ahmad Syukri bin Musa. (2019). Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Kesidang vol (1). Hlm. 90-99
- Nur Afifah Fadzill & Nuraznan bin Jaafar. 2019. Sikap Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Siti Meriam Ismail & Zanaton Ikhsan 2002. Persepsi pelajar aliran sains di Sekolah Agama JAIS terhadap pembelajaran dwikurikulum: satu tinjauan di sekolah menengah agama hishamuddin. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 1)*, hlm. 214.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah.(2013). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. Procedia-Social and Behavioral Sciences 134 (2014) 408-415.